

# Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wasallam*

## Pendidik Umatnya Kepada Bersikap sabar dan Tahan Uji

Baginda sendiri seorang yang kuat sabar dan telah menerima berbagai-bagai ujian dan percubaan dengan tabah hati dan jiwa yang besar. Akhirnya baginda telah berjaya dan musuh-musuhnya telah kecewa.

Baginda juga dalam masa hayatnya tidak putus-putusnya mendidik umat Islam supaya bersikap sabar dan tahan menerima ujian kerana sabar itu sebahagian daripada iman.

Pati ajarannya yang berharga itu, yang terjalin dalam beberapa buah hadīthnya yang mulia, telah dikumpul dan dihuraikan oleh faḍilat al-Ustadh Muhammad ‘Ali al-Hamīdī, seperti berikut :

### Sabar Itu Separuh Iman

Bagaimana pentingnya sikap sabar di dalam Islam telah dijelaskan oleh baginda dengan sabdanya:

*“Al-ṣabru niṣfu al-īmān wa al-yaqīn al-īmān kulluh.”*

(*Abu Na‘īm wa al-Bayhaqī*).

Ertinya: “Sabar itu separuh iman, dan yakin itu pula ialah iman selengkapnya.”

Setengah ulama menerangkan maksud Hadīth ini iaitu bahawa semua perbuatan yang baik itu hanya terjadi dari dua macam: Pertama meninggalkan kejahatan, dan kedua mengerjakan kebaikan.

Meninggalkan kejahatan itu dilakukan dengan sabar, dan mengerjakan kebaikan itu pula dilakukan dengan

syukur. Itulah sebabnya sabar yang dilakukan ketika meninggalkan kejahatan, dinamakan separuh iman.

Di dalam iman terkandung pahala sabar, kerana sabar itu seperdua atau separuhnya. Orang yang beriman mestilah berlaku sabar, kalau tidak, bagaimanakah dapat ia beriman?

Sungguh tinggi martabat sabar itu, sehingga dikatakan separuh iman. Bagi menyempurnakan iman itu mestilah pula yakin kepada perkara-perkara yang dipercayai dan menjadi pegangan, kerana “yakin” itu ialah “iman” yang sepenuhnya.

### Sabar Itu Menerima

Dalam suatu Hadīth, Nabī *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda :

“*Aṣ-ṣabru riḍā*”. (*Al-Hākim wa Ibn ‘Asākir*)

Ertinya: “Sabar itu menerima”.

Huraiannya: Orang yang sabar itu menerima segala

ujian yang datang kepadanya, baik mengenai keluarganya,

harta bendanya, mahupun yang mengenai dirinya sendiri.

Kerana ia mengetahui, bahawa orang yang hidup di dunia

ini hendaklah ia sanggup menerima ujian, baik

ujian itu besar dan hebat, mahupun kecil dan

ringan.

Belum boleh dinamakan orang sabar, kalau belum

sanggup menerima ujian; kerana orang sabar itu

mesti sanggup menerima ujian dan percubaan.

### **Sabar dalam Bergaul**

Dalam suatu Hadīth yang lain, Nabī *ṣallā Allāhu ‘alayhi*

*wa sallam* bersabda:

“*Al-mu’min alladhī yukhālīṭu al-nāsa wa yaṣbiru ‘alā*

*ādihāhum, khairun min al-ladhī lā yukhālīṭu al-nāsa wa lā yaṣbiru*

*‘alā ādhāhum*”. (*Ibn Majah*).

Ertinya: “Orang mukmin yang bergaul dengan

orang ramai dan sabar atas gangguan mereka, lebih

baik daripada yang tidak bergaul dengan orang ramai dan

tidak sabar atas gangguan mereka.”

Ketika bergaul, baik dalam rumah tangga dengan

anak isteri dan saudara-mara, mahupun dalam

masyarakat dengan orang ramai, orang mesti menjumpai

perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati.

Orang yang biasa bergaul dengan orang ramai, tentu

mengakui adanya gangguan-gangguan itu, baik dari sahabat

sendiri kerana pertengkaran dan sebagainya, mahupun

dari orang ramai yang belum mengetahui kebenaran.

Gangguan itu bermacam-macam. Ada gangguan dengan

kata-kata yang menyakitkan hati, dan ada pula dengan

perbuatan, seperti dihalangi, disakiti dan sebagainya.

Oleh kerana dalam pergaulan memang biasa terjadi

hal-hal yang demikian itu, maka tidak mesti kita

berputus asa atau meninggalkan pergaulan, kerana

mendapat gangguan-gangguan dari manusia. Kita mestilah sabar,

tetap hati, mencari daya upaya, berikhtiar dengan

bersungguh-sungguh bagi menyingkirkan gangguan-gangguan itu.

Dalam segala pekerjaan, boleh dikatakan tidak

sunyi dari celaan manusia, sehingga dalam mengerjakan

kebaikan pun. Kita harus ingat! Orang yang tidak

suka atau menghalangi tersiarnya kebaikan itu, sebenarnya

kurang fikiran. Kalau fikirannya waras, masakan ia

menghalanginya. Kalau kita sudah tahu orang itu kurang

fikiran, maka sudah tentu tidak boleh kita ambil

pusing atas celaan dan gangguannya, tetapi kita

mestilah sabar dan menginsafkan dia supaya mengerti

benar akan erti kebenaran itu.

Orang yang menerima gangguan, apa lagi yang hanya

sedikit, dan datangnya pun dari kawan sendiri,

lantas berputus asa, belum boleh dinamakan orang sabar.

Orang sabar berani menerima gangguan dalam pergaulan.

Jadi untuk bergaul, orang mesti mempunyai sifat

sabar, yakni sabar kalau mendapat gangguan dari manusia

dan jangan lekas berputus asa lalu menyingkirkan

diri dari pergaulan.

### **Kemenangan Beserta Sabar**

Dalam suatu Hadīthnya lagi, Nabī *ṣallā Allāhu ‘alayhi*

*wa ‘ālihi wa sallam* bersabda :

“*Al-naṣru ma ‘a al-ṣabri, wa al-faraju ma ‘a al-karbi, wa ‘inna ma ‘a al-‘usri yusrā.*” (*al-Khaṭīb*).

Ertinya: “Kemenangan itu beserta sabar, dan kelapangan itu beserta kesusahan, dan sesungguhnya beserta kesusahan itu kesenangan.”

Sungguh tegas kenyataan Hadīth ini. Orang yang telah membaca tawārīkh, akan mengakui benarnya apa yang disabdakan oleh Junjungan itu. Dengan senjata sabar, orang akan mendapat kemenangan dalam segala perjuangan hidup.

Seseorang itu tidak akan dapat mencapai maksudnya yang dituju melainkan setelah ia melakukan dengan sabar. Lihat sahajalah orang-orang besar yang telah mencapai kemenangan di dunia ini, boleh dikatakan sifat sabar itu tertanam benar dalam hati mereka. Kalau tidak, masakan mahu mereka berjuang, berkorban dan sebagainya.

Sebagaimana kemenangan itu ada beserta sabar, maka begitu juga kelapangan dan kesenangan ada beserta kepayahan dan kesusahan. Maksudnya: Sesudah orang bersabar dalam perjuangan, baharulah mencapai kemenangan, sebagaimana sesudah bersusah-payah, baharulah mendapat kelapangan dan kesenangan.

Dengan ini kita mengetahui, bahawa bagi menuntut kemuliaan dan kemenangan dalam segala perjuangan hidup, orang mustahak mempunyai sifat sabar. Begitu pula kalau kita hendak memperoleh kesenangan dan kelapangan, mustahak lebih dahulu melalui kesusahan dan kepayahan.

### **Sabar Ketika Menghadapi Musuh**

Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda :  
“*Lā tatamannau liqā’ a al- ‘aduwwi wa ‘idhā laqaitumūhum faṣbirū.*” (*Al-Bukhari wa Muslim*).

Ertinya: “Janganlah kamu mengharap-harap bertemu musuh. Tetapi kalau kamu bertemu musuh, hendaklah kamu sabar.”

Sungguh tegas pengajaran Junjungan kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, ajaran yang menggambarkan sifat lelaki yang sejati. Musuh jangan dicari, tetapi kalau bertemu musuh, jangan lari. Hendaklah dihadapi dengan sabar.

Musuh jangan dicari. Begitulah pengajaran Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, yang mengandungi pengajaran persaudaraan kepada sesama manusia. Tetapi kalau orang itu tidak mahu dijadikan saudara atau kawan, hanya mahu menjadi musuh, maka hadapilah dia dengan sabar, jangan lari.

Bukan pengikut ajaran Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, orang yang mencari-cari musuh, dan bukan pula orang yang sabar, yang kalau menemui musuh lalu lari.

### **Sabar Ketika Ditimpa Kesusahan**

Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda :  
“*Al-ṣabru ‘inda al-ṣadmati al- ‘ulā.*” (*al-Bazzar*).

Ertinya: Berlaku sabar itu ialah ketika menerima paluan kesusahan yang pertama.”

Sabar yang utama sekali, ialah waktu permulaan mendapat kesusahan, bukan sesudahnya beberapa lama. Kalau sudah beberapa lama, semua orang akan sanggup berlaku sabar.

Waktu mula-mula sekali jatuhnya kesusahan atas diri seseorang, maka di situlah ia mesti berlaku sabar. Sebab kalau tidak, maka boleh jadi ia akan membunuh diri.

Waktu seseorang keluarga kita meninggal dunia, atau kita sendiri mendapat kesusahan, maka permulaan sekali datangnya kemalangan itulah kita mesti bersabar.

Orang yang tidak mempunyai sifat sabar, tentulah ketika permulaan datangnya kesusahan itu akan mengeluh, bersungut, mengucapkan perkataan-perkataan yang kotor dan terlarang, bahkan boleh jadi ia membuang diri atau membunuh diri.

Kalau kita telah mengetahui, bahawa ketika itulah sabar mesti dilakukan, maka ketika kita mendapat kesusahan, hendaklah kita bersabar, kerana tidak ada ubat untuk menjadikan hati tenang selain daripada sabar.

### **Sabar Terhadap Tiga Perkara**

Dalam suatu Hadīth, Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda :

*“Al-ṣabru thalāthah: Faṣabrun ‘ala al-muṣībah, wa ṣabrun ‘ala al-tā‘ah, wa ṣabrun ‘ala al-ma‘ṣiyah.”* (Ibn Abī al-Dunya wa Abū al-Shaykh).

Ertinya: “Sabar itu ada tiga: Sabar atas kesusahan, sabar atas menjalankan taat, dan sabar atas menjauhkan maksiat.”

### **Sabar dalam Pergaulan**

Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersabda:

*“Ya ‘ī ‘alā al-nāsi zamān, al-ṣābiru fī him ‘alā dīnihi ka al-qābiḍu ‘alā al-jamri.”* (al-Tirmidhī).

Ertinya: “Akan datang satu zaman kepada manusia, orang yang sabar dari mereka terhadap agamanya seperti orang menggenggam bara api.”

Dalam Hadīth ini, Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* menerangkan, bahawa pada akhir zaman kelak, akan ada orang sabar dalam berpegang kepada agama, seperti orang menggenggam bara api.

Tidak ada, atau jarang orang yang tahan lama memegang bara api, kerana panasnya. Baharu sahaja terus dilepaskan. Nanti pada suatu masa, akan ada orang yang beragama semacam itu. Terasa berat, susah, tidak sanggup menerima ujian, lalu ditinggalkan.

Rupanya ramalan Nabī itu telah ada buktinya pada zaman kita ini, kerana banyak di antara kaum muslimin yang tidak sanggup menerima ujian. Baharu sedikit sahaja menerima ujian kesusahan dalam menjalankan agama, lalu dilepaskannya.

Tiap-tiap pemeluk agama, terutama agama Islam, wajib berani tahan uji. Kerana telah menjadi kebiasaan di dunia, pembawa kebenaran agama itu selalu mendapat halangan dan kesusahan.

Mudah-mudahan kita tidak dimasukkan dalam golongan yang disebutkan dalam Hadīth ini.

Khusyukkah sembahyang tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir<sup>1</sup> dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muḥammad Hasbi.

### **Sujudlah kepada Tuhanmu!**

Disusun oleh ‘Idrūs

Sebuah buku serial syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

<sup>1</sup> teks asal tidak jelas